

# Bawa 10 tan metrik makanan

Hantar bantuan makanan menggunakan 20 pacuan empat roda

GUA MUSANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) melalui program Food Bank menyumbangkan kira-kira 10 tan metrik bantuan makanan dan minuman untuk diaghikan kepada masyarakat orang asli Kuala Koh di sini semalam.

Ketua Setiausaha, Datuk Muez Abd Aziz berkata, sumbangan berkenaan dibawa masuk ke Pusat Operasi Ops Bateq di pejabat Ladang Aring 10 di sini semalam dengan bantuan kira-kira konvoi 20 pacuan empat roda.

"Hari ini (semalam), sejumlah 10 tan metrik beras, gula, tepung, roti, air mineral, buah-buahan, minyak masak dan pelbagai barang keperluan lain kita serahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk diaghikan.

"Kita harap sumbangan diberikan ini sekurang-



Muez (kanan) menunjukkan sebahagian bantuan makanan keperluan harian untuk manfaat orang asli di perkampungan orang asli Kuala Koh di Gua Musang semalam.

**Kita harap sumbangannya ini dapat tampung keperluan semasa mereka."**

- Muez

kurangnya apat meriam-pung keperluan semasa mereka untuk jangka masa pendek," katanya kepada pemberita ketika ditemui di pusat operasi Ops Bateq di sini semalam.

Muez berkata, pihaknya juga menggalu-alukan sumbangan daripada mana-mana pihak termasuk korporat dan badan bukan kerajaan untuk membantu masyarakat

HARI : SABTU  
TARIKH : 15/6/2019  
M/SURAT : 3

orang asli di Kuala Koh berkenaan.

"Bantuan-bantuan mengikut keperluan mereka seperti kain saring, kain pelikat, hygiene kit dan yang berkaitan mungkin boleh disalurkan untuk manfaat mereka.

"Proses menyalurkan sebarang bantuan mudah dilakukan berikutan terdapat pusat pengumpulan bantuan awam yang diwujudkan khas di pusat operasi ini dan diuruskan Nadma," katanya.

Dalam pada itu, Muez juga tidak menolak kemungkinan memperluaskan program Food Bank berkenaan untuk manfaat orang asli selari dengan matlamat program berkenaan.